



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM, MALAYSIA  
PUBLIC SERVICE DEPARTMENT, MALAYSIA  
Blok C1 - C3, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892181  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA(I)S.179/17/2-11Jld. 3 (6)  
Tarikh : 13 Disember 2017 / 24 Rabiulawal 1439H

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan/Perkhidmatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAWAAN KEMUDAHAN PROGRAM BIASISWA KOMANWEL UNITED KINGDOM TAHUN 2018**



Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita Jabatan ini mempelawa pegawai-pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) di Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk memohon kemudahan **Program Biasiswa Komanwel United Kingdom Tahun 2018** bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ph.D secara sepenuh masa.

3. Calon-calon hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Biasiswa Komanwel United Kingdom dan juga memenuhi syarat-syarat berikut:

(i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;

(ii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh tutup permohonan;

(iii) Umur tidak melebihi **50 tahun untuk peringkat Sarjana** dan tidak melebihi **45 tahun untuk peringkat Doktor Falsafah (Ph.D)** pada 1 Januari 2018;

ppk (pp)  
utu tindakan  
edaran

Jabatan Akauntan Negara Malaysia	
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	
Seksyen Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia (SKPSM)	
KPPK(SKPSM)1	Makluman
KPPK(SKPSM)2	Edaran
KPP(SKPSM)1	Faiknan

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Awam		
Driving Transformation In The Public Service		
TP SPKP	TP SPKP	TP SPKP
KPPK SKPSM 1	KPPK SKPSM 1	KPPK SKPSM 1
KPPK SKPSM 2	KPPK SKPSM 2	KPPK SKPSM 2
KPP SKPSM	KPP SKPSM	KPP SKPSM



26/12/17

- (iv) Mencapai Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap 3 tahun kalendar yang terkini berturut-turut (2014, 2015 & 2016);
- (v) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
- (vi) Telah mengisyiharkan harta;
- (vii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (viii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA;
- (ix) Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh **satu tahun** kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh **dua tahun** kebelakangan (**dikira dari 1 Disember 2017**);
- (x) Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;
- (xi) Tidak mendapat penajaan (pinjaman atau biasiswa) daripada agensi penaja yang lain bagi pengajian yang diikuti; dan
- (xii) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai.

#### 4. Tatacara Permohonan

##### 4.1 Tanggungjawab Pegawai

Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah:

- (i) mengisi borang permohonan secara dalam talian di portal eSila JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>; dan
- (ii) mengisi borang permohonan secara dalam talian di laman web UK Commonwealth Scholarships melalui pautan berikut:

##### Calon Ph.D

<http://cscuk.dfid.gov.uk/apply/eas/applicants/phd-scholarships-low-middle-income-countries/>

**Calon Sarjana**

<http://cscuk.dfid.gov.uk/apply/eas/applicants/masters-scholarships/>

**4.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan**

Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya memastikan bahawa pegawai yang memohon boleh dilepaskan untuk mengikuti pengajian sekiranya berjaya ditawarkan biasiswa kelak.

**5. Tarikh Tutup Permohonan/Pencalonan**

Tarikh tutup permohonan secara dalam talian bagi pegawai yang ingin memohon adalah pada **22 Februari 2018**. Sebarang pertanyaan atau kemasukan dalam urusan ini bolehlah diajukan kepada:

**Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan**

**No. Telefon : 03-88853546**

**Emel : idp@jpa.gov.my**

**6. Kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Tan Sri/Puan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih jua.**

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(AZURA BINTI AZIZ)**

Bahagian Pembangunan Modal Insan  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA

